

UPSI, ASSA meterai MoU, perluas peluang mobiliti pelajar

Tanjong Malim, 11 Mac - Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) memeterai Memorandum Persefahaman (MoU) dengan Assalam Smart School Association (ASSA) Thailand dalam usaha memperkuuh kerjasama akademik antarabangsa dan pertukaran kepakaran antara kedua-dua institusi.

Naib Canselor UPSI, Profesor Datuk Dr. Md Amin Md Taff berkata, kerjasama itu akan membuka peluang dalam pelbagai aspek termasuk promosi dan pembangunan disiplin akademik, program pertukaran pelajar, program mobiliti serta penyelidikan dan penerbitan.

Menurutnya, UPSI dan ASSA telah menjalankan beberapa program berimpak tinggi sebelum ini, antaranya Program Consultation Service of Ulul Albab di Universiti Fatoni pada Oktober 2022, eksplorasi akademik dan budaya di Sekolah Phatna Witya Yala pada Januari 2023, serta kunjungan ilmiah dan pentadbiran ke rangkaian sekolah ASSA di Yala pada Februari 2023.

"Melalui perjanjian ini, kami bukan sahaja ingin mengukuhkan hubungan akademik antara Malaysia dan Thailand, tetapi juga memastikan generasi muda mendapat pendidikan berkualiti serta pendedahan kepada


kaedah pembelajaran terbaik," katanya dalam kenyataan baru-baru ini. Md Amin berkata, kerjasama ini bukan sahaja memperkuuh hubungan akademik tetapi juga berperanan dalam pembangunan modal insan bagi generasi muda. "Perjanjian ini juga diharap dapat memperkuuh perkongsian kepakaran dalam aspek pengurusan waqaf dan endowmen pendidikan serta model pengurusan institusi pengajian dari peringkat prasekolah hingga pengajian tinggi."

"Dengan termeterainya MoU ini, kami berharap lebih ramai pelajar dari ASSA akan melanjutkan pengajian mereka di UPSI, sekali gus memperkuuh hubungan akademik antara Malaysia dan Thailand," ujar beliau. Sementara itu, Presiden ASSA, Dr. Abdullah Yeeloh yakin kerjasama ini akan memberi impak positif kepada pembangunan pendidikan di Thailand dan Malaysia.

"Universiti Fatoni amat menghargai kerjasama erat yang telah terjalin dengan UPSI sejak beberapa tahun lalu. "MoU ini adalah satu langkah penting dalam memastikan pertukaran ilmu dan pengalaman antara tenaga akademik serta pelajar terus berkembang. "Kami yakin MoU ini hanya permulaan kepada kerjasama lebih besar yang dapat memberi manfaat kepada kedua-dua pihak dalam aspek akademik, penyelidikan dan pembangunan pendidikan," katanya.

Menurut beliau, usaha ini juga akan membantu memperkasapendidikan Islam dan memantapkan pembangunan akademik di rantau ini.

"Kami melihat bahawa jalinan kerjasama ini bukan sahaja memberi manfaat dalam aspek akademik tetapi juga dalam bentuk generasi pemimpin masa depan yang lebih berkualiti, berminda global, dan berdaya saing," katanya.





Alumni UPSI, Anita Yusof tawar Antartika dalam misi Global Dream Ride 2

Antartika, 11 Mac - Alumni Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) pengembara solo wanita negara, Anita Yusof, 57, mencipta sejarah peribadi apabila berjaya menjelajakan kaki ke Antartika dalam misi jelajah dunia Global Dream Ride 2.

Anita yang memulakan ekspedisi solo bermotosikal mengelilingi dunia, berada di benua paling selatan itu selama 17 hari, bermula 15 Januari hingga 31 Januari 2025.

Anak bongsu dari tiga beradik kelahiran Batu Pahat, Johor itu berkata, perjalanan ke sana bukanlah sesuatu yang mudah, malah beliau terpaksa mengharungi cabaran getir ketika merentasi Drake Passage, salah satu laluan laut paling berbahaya di dunia.

Dalam perkongsian di media sosialnya, Anita menceritakan pengalaman menempuh laut bergelora ketika menaiki kapal layar sepanjang 50 meter menuju ke Antartika. "Berbeza dengan kapal persiaran besar yang lebih stabil, perjalanan menggunakan kapal layar memberi kesan besar terhadap keadaannya, terutama ketika perairan itu bergelora. Menurutnya, pengembalaan tersebut memakan masa lima setengah hari, dengan 75 peratus daripadanya berada

dalam keadaan laut bergelora, menjadikannya antara cabaran paling sukar sepanjang misi Global Dream Ride 2.

Beliau turut berkongsi bahawa keadaan fizikal dan mentalnya benar-benar teruji sepanjang perjalanan itu, tetapi tekadnya untuk menyempurnakan misi lebih kuat daripada kesulitan yang dihadapi. Sementara itu, Naib Canselor UPSI, Profesor Datuk Dr. Md Amin Md Taff, turut menzahirkan rasa bangga terhadap pencapaian Anita Yusof sebagai alumni UPSI yang berjaya mencipta sejarah tersendiri dalam dunia pengembalaan solo. Katanya, UPSI sentiasa menyokong alumni yang membawa nama baik universiti ke peringkat antarabangsa dan berharap kejayaan Anita akan menjadi pendorong kepada lebih ramai graduan untuk meneroka peluang di luar kebiasaan.

"Kejayaan ini selaras dengan semangat universiti dalam melahirkan individu yang berani meneroka, berdaya saing dan mampu memberikan sumbangan kepada masyarakat serta dunia."

"Kami berharap kejayaan beliau akan membuka mata lebih ramai anak muda untuk berani mengejar impian mereka," ujar beliau.

UPSI Agih 3,500 Naskhah Al-Quran, Santuni Golongan Memerlukan Sepanjang Ramadan

Tanjong Malim, 9 Mac - Sebanyak 3,500 naskhah Al-Quran Mufiq terbitan Nasyrul Quran akan dibekalkan kepada mahasiswa dan kakitangan Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) di bawah kendalian Pusat Islam universiti itu.

Naib Canselor UPSI, Profesor Datuk Dr. Md Amin Md Taff berkata, usaha ini merupakan komitmen berterusan universiti dalam menyantuni komuniti dan memastikan golongan yang

memerlukan tidak dipinggirkan, terutamanya dalam bulan yang penuh keberkatan ini.

"Ramadan adalah bulan kebersamaan dan kasih sayang. Inisiatif seperti ini bukan sahaja memperkuatkkan semangat persaudaraan dalam kalangan warga UPSI, tetapi juga memberi peluang kepada kita untuk berkongsi rezeki dengan mereka yang memerlukan."



Program Pemindahan Ilmu (KTP) - V-Logging Untuk Pembentangan yang Berjaya

Projek ini bertujuan meningkatkan keyakinan kakitangan Creativetank Sdn. Bhd. dalam komunikasi bahasa Inggeris menggunakan video blog (vlog) sebagai teknik latihan. Vlogging membolehkan kakitangan berlatih pembentangan/ *pitching* dalam format yang lebih mudah, meningkatkan kemahiran komunikasi lisan dan keyakinan mereka. Dengan merakam diri bercakap dalam bahasa Inggeris, kakitangan dapat meningkatkan kebolehan komunikasi dan lebih yakin berinteraksi dengan *key industry players*, memudahkan peluang untuk mendapatkan geran dan projek. Tinjauan menunjukkan 85.7% kakitangan melaporkan peningkatan keyakinan dalam berbahasa Inggeris melalui vlogging. Program ini juga mendapat maklum balas positif dari pengurusan yang menghargai sokongan dan panduan diberikan. Inisiatif ini menyumbang kepada budaya tempat kerja yang lebih kukuh dan komunikatif, memenuhi keperluan komuniti organisasi.

Ilmu yang berjaya dipindahkan ialah:
Pengetahuan mengenai vlog untuk pembentangan yang berjaya kepada pelatih graduan, pengurusan dan kakitangan syarikat.

Hasil akhir kepada industri/komuniti sasaran ialah:
Unit pengurusan di Creativetank Sdn. Bhd. berjaya memahami teknik latihan vlog yang dipindahkan oleh pelatih graduan, kakitangan di Creativetank Sdn. Bhd. berjaya mengaplikasikan teknik vlog untuk meningkatkan keyakinan dan keselesaan mereka untuk bercakap dalam bahasa Inggeris dan pemindahan pengetahuan vlog dalam kalangan komuniti dan masyarakat.

Hasil akhir kepada pembangunan modal insan ialah:
Pelatih graduan berjaya menggunakan teknik vlog untuk meningkatkan kemahiran bahasa Inggeris, mengajar teknik tersebut kepada organisasi lain dan menerjemahkan pengalaman tersebut untuk pembangunan diri dan kerjaya.

Pulangan akhir kepada IPTA:
Ahli akademik dapat berkongsi kepakaran untuk memenuhi KPI universiti, pemindahan pengetahuan vlog kepada pelatih graduan dan kakitangan dapat meningkatkan kemahiran pedagogi serta keyakinan kakitangan dalam berbahasa Inggeris.

Implikasi projek dan kesimpulan:
Projek ini menggunakan vlogging untuk meningkatkan kemahiran bercakap bahasa Inggeris di Creativetank Sdn. Bhd. dan memberi manfaat kepada pelatih graduan serta staf. Ia meningkatkan keyakinan, kemahiran komunikasi dan menguntungkan organisasi serta membantu syarikat berkembang dalam industri kreatif.

Ketua penyelidik dan penyelidik bersama:
Dr. Noor Alhusna Madzlan (FBK), Prof. Madya Dr. Maizatulliza Muhamad@ Mohd Saufi (FBK), Dr. Farah Natchiar Mohd. Khaja Hameed Maricar (FBK) dan Mr. Muhammad Lothfi Zamri (FBK).



Majlis Iftar dan Penyerahan Infaq Ramadan UPSI 2025



Perhimpunan Bulanan UPSI Pupuk Budaya Memberi dan Keprihatinan di Bulan Ramadan



Majlis Iftar dan Infaq Ramadan UPSI Meriah, Alumni Erat Silaturahim



Majlis Berbuka Puasa bersama Atlet UPSI